**MAKLUMAT INOVASI 2016**

| | |
|---|---|
| Nama Ketua Kumpulan | **KAPT (B) MUSTAFA BIN DOLLAH** |
| Jawatan dan Gred : | **PEGAWAI PENGUATKUASA ( KP 44 )** |
| Alamat | **PENGUATKUASA PAHANG**<br>**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**<br>**JALAN SERI KEMUNTING 2,**<br>**25100 BKUANTAN**<br>**PAHANG DARUL MAKMUR** |
| No. Telefon | **09-5171090**<br>**019-9104500** |
| No Faks | **095144043** |
| E-mail | **mustafa@dvs.gov.my** |
| Senarai Ahli Kumpulan,Jawatan dan Gred: | |
| 1. FAZLIZAN BIN ISHAK KHAN – Pen Peg Penguatkuasa ( KP 38)<br>2. MOHD ZULKIEFLY BIN BAHAROM – Pembantu Penguatkuasa ( KP 22 )<br>3. FAIZAL BIN MOHD RODUUN - Pembantu Penguatkuasa ( KP 22 )<br>4. NIK MUHAMAD AFIS B. NIK ABDULLAH – Pembantu Penguatkuasa (KP 19) | |

| |
|---|
| Tajuk inovasi |
| **PENGURUSAN ADUAN AWAM VETERINAR PAHANG**<br>***( PAPA)*** |
| Ringkasan Inovasi |
| Inovasi ini yang dinamakan ***PENGURUSAN ADUAN AWAM VETERINAR PAHANG atau*** singkatanya ***"PAPA"*** merupakan satu bentuk pengurusan bagi merekod aduan awam yang diterima, menyimpan maklumat aduan dan memberi maklum balas kepada pelanggan serta agensi terlibat dengan lebih sistematik berbanding pengurusan sistem sedia ada. Ianya merupakan satu inisiatif MUDAH menggunakan program Microsoft Access secara luar talian tanpa sebarang sumber kewangan. |

| Latarbelakang |
|---|
| ***“PAPA”*** direka bagi tujuan untuk menjadikan sistem pengurusan fail aduan, penyimpanan maklumat aduan dan maklum balas kepada pelanggan serta agensi berkaitan disampaikan dengan lebih cepat dan bersistematik.<br><br>***“PAPA”*** dibangunkan menggunakan program biasa yang sedia ada di mana - mana komputer samada laptop atau pun desktop. Program ini dijana sepenuhnya dengan menggunakan data base berasaskan program Microsoft Access.<br><br>***“PAPA”*** boleh dikendalikan oleh semua orang hanya dengan mempelajari dalam masa yang amat singkat. Dibangunkan sebagai satu inisiatif kearah pengurusan yang lebih cepat dan cekap berkaitan aduan awam . Kehilangan fail dan kesukaran mencari maklumat untuk tindakan susulan keatas sesuatu aduan memberi idea wujudnya program ini.<br><br>***“PAPA”*** dikawal oleh satu kata laluan bagi tujuan keselamatan data. |
| Penjelasan inovasi |
| ***“PAPA”*** adalah merupakan program luar talian berdasarkan data base yang dijanakan oleh Microsoft Access. Ianya tidak melibatkan sebarang sumber kewangan atau ***“ O Bajet”*** kerana ianya telah tersedia ada dimana mana komputer.<br><br>***“PAPA”*** dibangunkan berasaskan pengalaman pengurusan aduan awam sebelum ini yang didapati sistem merekod serta penyimpanan maklumat berkaitan dengannya sering menghadapi masalah “ carian” maklumat. Dengan kewujudan “PAPA” segala maklumat pengaduan , lapuran dan tindakan yang telah diambil serta maklumat maklum balas tersedia ndidalam satu fail yang selamat.<br><br>***“PAPA”*** menggunakan keselamatan kata laluan bagi menyekat data diganggu oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kata laluan ini di simpan oleh pengedali atau pengurus data aduan. |

| Faedah inovasi |
|---|
| Ianya sangat mudah dilaksanakan dan boleh di gunakan oleh unit atau bahagian yang mengurus aduan awam seperti Bahagin regulatori di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dan juga Bahagian Penguatkuasa Negeri – Negeri .<br><br>Penyimpanan data yang lebih sistematik dan merekod semua maklumat didalam satu fail data base yang selamat dengan dikawal oleh satu kata laluan.<br><br>Ianya amat menjimatkan masa dalam mencari maklumat sebelum jika maklumat tersebut diperlukan segera tanpa mencari fail manual yang menjadi amalan semasa.<br><br>Laporan penyiasatan disimpan deengan selamat didalam fail data base ini dan tidak ada sesiapa yang boleh mendapatkan maklumat tersebut selain dari pengurus data aduan. |